

SULIT

2280/1

2280/1  
GEOGRAFI  
KERTAS 1  
OGOS 2025  
1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)

MODUL KOLEKSI ITEM  
PERCUBAAN SPM  
2025

GEOGRAFI  
KERTAS 1  
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

SPM  
GEOGRAFI K1

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak

2280/1©2025 Hak Cipta MPSM Kelantan

SULIT  
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

JOIN TELEGRAM  
@exercise\_students  
for more tips spm 2025 !

CS CamScanner

1. Maklumat berikut tentang kesan letusan gunung berapi.

- Dataran lava yang luas dan subur
- Penanaman kapas
- Contoh Dataran Tinggi Deccan, India

Apakah jenis lava yang sesuai untuk aktiviti di atas ?

- |                  |                |
|------------------|----------------|
| A Lava terobosan | B Lava rejahan |
| C Lava bes       | D Lava asid    |

2. Antara yang berikut, manakah benar tentang langkah menghadapi gempa bumi?

- I Berlindung di bawah meja
- II Banyakkan minum air kosong
- III Memakai pakaian berwarna terang
- IV Memakai topeng muka

- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | B I dan IV   |
| C II dan III | D III dan IV |

3. Antara yang berikut, lokasi manakah berkaitan dengan pernyataan di bawah?

- Terhasil akibat proses pemendapan, mampatan dan penyimenan
- Batuan ini mengandungi fosil

- A Lundu, Sarawak
- B Silimpohon, Sabah
- C Telupid, Sabah
- D Pulau Langkawi, Kedah

4. Antara yang berikut, manakah bukan kesan akibat luluh hawa kimia?

- |                 |             |
|-----------------|-------------|
| A Tanah laterit | B Kaolin    |
| C Tors          | D Stalagmit |

5. Maklumat di bawah adalah berkenaan dengan luluh hawa.

Tindakan bakteria mengeluarkan cecair asid mampu menguraikan batuan dan menyebabkan luluh hawa

Apakah faktor yang mempengaruhi luluh hawa di atas?

- |          |          |
|----------|----------|
| A Batuan | B Iklim  |
| C Masa   | D Biotik |

6. Foto berikut menunjukkan pergerakan jisim.



Kejadian ini sering berlaku pada musim bunga dan musim panas di kawasan glasier.


Apakah jenis pergerakan jisim ini?

- A Kesotan tanih
- B Gelongsoran tanih
- C Gelongsoran tanih
- D Aliran lumpur

7. Apakah bentuk muka bumi yang terhasil di kawasan kaki bukit akibat aliran lumpur?

- A Kipas aluvium
- B Longgokan batu
- C Tors dan bornhard
- D Kaolin

8. Rajah di bawah menunjukkan tindakan air sungai.



Apakah bentuk muka bumi yang terhasil akibat daripada proses tindakan di atas?

- A Tasik ladam
- B Bentuk lurah
- C Susuh bukit berpanca
- D Jeram

9. Mengapakah kelestarian sungai penting kepada kepelbagaian biologi?

- A Sumber air domestik
- B Menyederhanakan suhu sekitar
- C Habitat flora dan fauna
- D Perubahan landskap kawasan hiliran

10. Pilih jawapan yang betul tentang ombak berdasarkan pernyataan di bawah

- Kadar kekerapan 12-15 kali seminit
- Ombak yang perlahan tetapi basuhan balik yang kuat

- A Ombak junam
- B Ombak pecah
- C Ombak pembina
- D Ombak pembinasa

11. Foto di bawah menunjukkan bentuk muka bumi akibat tindakan ombak di pinggir pantai.



Apakah tindakan ombak yang menghasilkan bentuk muka bumi dalam foto berikut?

- A Hakisan  
B Pemecahan  
C Pengangkutan  
D Pemendapan
12. Antara berikut, yang manakah faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran tinggi?
- I Amalan perancang keluarga yang berkesan  
II Dasar kerajaan menghadkan kelahiran  
III Taraf pendidikan rendah  
IV Wanita suri rumah tangga
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
13. Kawasan yang manakah berpenduduk padat disebabkan faktor tanah lava bes yang subur?
- A Pulau Jawa, Indonesia  
B Tokohama, Jepun  
C Lembangan Congo, Afrika  
D Chao Phraya, Thailand



14. Mengapakah berlakunya proses emigrasi di negara Malaysia?

- A Politik tidak stabil
- B Melanjutkan pelajaran
- C Kos hidup yang tinggi
- D Bencana alam

15. Maklumat berikut berkaitan penduduk Malaysia.

Jumlah kelahiran	= 455 761 orang
Jumlah kematian	= 196 965 orang
Jumlah penduduk Malaysia	= 34 100 000 orang

Data penduduk Malaysia 2023

Berdasarkan data di atas, kira kadar kelahiran di Malaysia pada tahun 2023?

- A 13.36 setiap 1000 orang
- B 0.013 setiap 1000 orang
- C 1.33 setiap 1000 orang
- D 238 7796 setiap 1000 orang

16. Antara berikut yang manakah pernyataan faktor tolakan migrasi dalaman yang tidak benar?

- A Peluang pekerjaan terhad
- B Kadar upah rendah
- C Politik tidak stabil
- D Kekurangan peluang pekerjaan

17. Maklumat di bawah berkaitan dengan industri.

- Penyebaran industri termasuklah pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- Kilang-kilang dibina di kawasan berpotensi

Pernyataan di atas merujuk kepada?

- A Meningkatkan kemudahan asas luar bandar
- B Penyerakan dan penyebaran industri
- C Menyediakan kemudahan intensif
- D Meningkatkan kemasukan PATI

18. Pernyataan manakah benar tentang saling bergantungan kawasan bandar terhadap kawasan luar bandar?

- I Menyediakan peluang pendidikan tinggi  
II Menyediakan tempat tinggal kepada pekerja  
III Membekalkan tenaga kerja  
IV Menyediakan perkhidmatan kewangan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

19. Apakah maksud urbanisasi?

- A Peningkatan jumlah penduduk di kawasan tersebut  
B Proses perubahan sesuatu kawasan menjadi bandar  
C Pembinaan bangunan pencakar langit  
D Proses perkembangan sebuah bandar

20. Foto di bawah menunjukkan Terowong Smart.



Apakah fungsi Terowong Smart tersebut dalam mengatasi masalah urbanisasi?

- A Mempercepatkan pergerakan kenderaan
- B Menghalang pergerakan air.
- C Menjadi jalan alternatif bagi mengatasi kesesakan lalulintas
- D Menyimpangkan sistem saliran





24. Foto di bawah menunjukkan kegiatan manusia.



Di kawasan iklim manakah aktiviti dalam foto di atas berlaku?

- A Iklim Tundra
- B Iklim Savana
- C Iklim Siberia
- D Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat

25. Maklumat berikut berkaitan ciri tumbuhan semula jadi.

- Malar hijau
- Mempunyai tumbuhan liana

Apakah jenis hutan di atas?

- A Hutan Hujan Tropika
- B Hutan Monsun Tropika
- C Hutan Konifer
- D Hutan Mediterranean

26. Apakah kepentingan Hutan Paya Bakau terhadap keseimbangan ekosistem?

- A Kawasan tadahan
- B Mengawal tanah runtuh
- C Penapis enapan dan pencemaran
- D Habitat orang utan

27. Apakah kegiatan manusia yang menyebabkan kepupusan ikan lumba-lumba Baijiu?

- A Pembinaan Empangan Temenggor, Malaysia
- B Pembinaan Empangan Tiga Gaung, China
- C Pembinaan Empangan Bang Lang, Thailand
- D Pembinaan Empangan Karangkates, Indonesia

28. Apakah usaha yang perlu dilakukan untuk menjamin bekalan kayu balak?

- I Ladang hutan
- II Penebangan terpilih
- III Kempen alam sekitar
- IV Mewartakan taman negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

29. Bagaimanakah pemuliharaan hidupan liar dapat dilakukan?


- A Mewujudkan ladang hutan.
- B Mengeluarkan lesen menternak.
- C Menubuhkan pusat konservasi.
- D Mewartakan hutan simpan



33. Apakah kesan penerokaan arang batu terhadap alam sekitar?

- A Kawasan pantai berubah menjadi kawasan industri.
- B Pencemaran sungai serta sumber air bawah tanah.
- C Kadar radiasi yang tinggi
- D Kepupusan spesies flora berharga.

34. Foto berikut menunjukkan loji nuklear.



Sejenis gas yang mengandungi bahan radioaktif yang dibebaskan apabila logam uranium diuraikan. Apakah gas tersebut?

- A Gas karbon dioksida
- B Radiasi radioaktif
- C Gas hidrogen
- D Gas radon.

35. Mengapakah tenaga solar berpotensi dimajukan di Malaysia?

- A Menerima pancaran matahari sepanjang tahun.
- B Banyak litupan tumbuhan semula jadi
- C Hujan tahunan melebihi 2000 mm setahun
- D Julat suhu tahunan kecil

36. Apakah aktiviti ekonomi yang tergolong dalam kegiatan ekonomi primer?

- |             |                |
|-------------|----------------|
| A Perikanan | B Pendidikan   |
| C Pembuatan | D Pengangkutan |





